

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**INFOKRAF MALAYSIA, KUALA LUMPUR**  
**PERASMIAN PAMERAN DAN PERTANDINGAN SULAMAN PERINGKAT**  
**KEBANGSAAN 1987**  
**11 NOVEMBER 1987**

Bismillahir rahmanir rahim,  
Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Illahi, atas perkenannya memberi peluang kepada saya untuk sekali lagi berada di Infokraf Malaysia ini.

2. Saya berasa bertuah kerana kehadiran saya pada petang ini, telah memberi peluang kepada saya melihat sendiri akan usaha-usaha ke arah menghidupkan semula warisan budaya tempatan; yang saya harap mulai dari hari ini, akan menjadi satu kegiatan yang dapat membawa pertambahan rezeki kepada mereka yang mengusahakannya.

3. Kalau dilihat dalam detik sejarah negara ini, khususnya apabila dilihat dari kaca mata seni budaya tempatan, negara ini tidak ketandusan seni dan budaya yang tinggi nilai mutunya. Keunikan nilai seni tempatan, pada satu ketika dahulu tidak ada tolok bandingannya. Kenyataan ini dapat disokong penuh dengan apa yang dapat kita lihat dari hasil himpunan serta koleksi barang-barang lama yang terdapat di muzium-muzium kita.

4. Kalau kita tinjau koleksi pakaian sahaja, ini pun sudah cukup untuk mengagumkan. Apa yang dapat diperlihatkan dari sudut kemahiran serta kehalusan buatan barang-barang yang dapat dihimpunkan di muzium itu telah dapat mencerminkan adat resam budaya bangsa pada suatu ketika dahulu, dan merupakan keagungan seni budaya tempatan kita. Seni pertukangan kayu, seni pertukangan perak dan emas, serta lain-lain kegiatan pertukangan kerajinan tangan masa dahulu, melambangkan satu suasana yang tinggi nilai seni budayanya.

5. Tetapi, malangnya warisan yang begitu indah ini, disebabkan persaingan hebat daripada barang-barang yang mudah dibawa masuk melalui teknologi moden, telah menyekat pertumbuhan kesenian ini, malah ada yang telahpun lenyap dan tidak diusahakan lagi. Oleh itu, saya berasa bertuah kerana pada petang ini, kita dapat melihat akan usaha-usaha ke arah menghidupkan semula seni warisan yang saya sebutkan tadi. Seni tekatan dan sulaman pada saya adalah satu lambing keperibadian wanita. Pada satu ketika dahulu ia adalah menjadi satu kegiatan yang diusahakan oleh setiap anak gadis di desa ataupun di kota. Tetapi malangnya, kegiatan ini tidak lagi diusahakan dengan membawa nilai-nilai budaya bangsa tempatan.

6. Saya mengambil kesempatan di ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Sulaman Peringkat Kebangsaan 1987 dan berharap semoga pertandingan serupa ini akan dapat diteruskan. Saya juga berharap agar seni-seni yang lain, seperti seni telepok dan seni kelingkan, akan dapat diberi penafasan baru. Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

7. Dalam usaha-usaha untuk menghidupkan semula seni budaya ini, saya rasa yang penting ialah penyesuaian rupa bentuk barang-barang ini hendaklah disesuaikan dengan keadaan selesa masa kini. Insya-Allah sebarang usaha yang dijalankan akan mendapat penyesuaian dengan pasaran yang ada. Secara begini, sebarang usaha dalam menghidupkan seni budaya yang lama itu akan mendapat jaminan hidupnya dalam masyarakat masa ini.

8. Di sini juga saya mengambil kesempatan untuk menyeru kepada semua pihak supaya melihat industri kraf ini sebagai satu industri yang akan dapat membawa pulangan wang yang setimpal dengan usaha. Industri ini bukanlah satu industri yang tidak mempunyai daya maju. Industri ini telah pun dijadikan sebagai salah satu punca pendapatan kewangan yang lumayan bagi setengah-setengah negara jiran tetangga kita. Kalau mereka berupaya menjadikan industri ini sebagai satu industri yang boleh memainkan peranan penting dalam pembangunan negara, maka saya rasa, di Malaysia juga kita dapat menjadikan industri ini sebagai satu industri yang boleh memainkan peranan penting dalam pembentukan ekonomi yang kukuh di kalangan masyarakat yang mengusahakannya.

9. Saya mengucapkan syabas atas usaha-usaha Perbadanan yang menitiberatkan kepada pendidikan seni kraftangan ini. Sebagai satu jaminan ke arah penentuan pembangunan industri kraf tangan ini, yang harus diwujudkan ialah kesedaran di kalangan masyarakat kita di Malaysia. Lebih-lebih lagi kesedaran ini hendaklah ditanam di kalangan anak-anak kita yang masih di bangku sekolah. Pendekatan kepada seni budaya tempatan melalui seni kraftangan ini adalah penting kerana perjuangan, perkembangan budaya bangsa dan pembangunan industri ini adalah terletak kepada bahu mereka yang akan meneruskan perjuangan ini. Tanpa pengenalan dan kasih sayang mereka terhadap warisan budaya kita, maka dikhuatiri akhirnya kita akan ketandusan aktiviti ataupun perusahaan yang boleh, melambangkan tinggian keperibadian masyarakat negara ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

10. Pembaharuan melalui teknologi yang dibawa masuk ke negara ini adalah penting, umpamanya komputer semakin merupakan satu komponen yang menjadi alat perkakas bukan sahaja di pejabat tetapi, telahpun diterima sebagai alat perkakas di rumah. Keadaan sebegini hendaklah diimbangkan sama beratnya dengan seni warisan tempatan, kerana membentuk budaya adalah berteraskan pada nilai-nilai hidup sesuatu masyarakat seni, baik ianya kraf ataupun penulisan, supaya dapat memberi jiwa kepada rupa yang ada pada sesuatu masyarakat. Saya berharap agensi-agensi yang ada hubungan rapat dengan masyarakat dapat tampil ke hadapan untuk menolong memperdekatkan lagi jurang pendidikan ini di kalangan masyarakat kita.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

11. Dengan ini, saya dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, merasmikan Pameran dan Pertandingan Sulaman PeringkatKebangsaan 1987 serta melancarkan Kempen Pendidikan Kraf.